

JHEP UMS sumbang bantuan sempena Ramadan

Oleh SITI AISYAH NARUDIN
bustymessy@gmail.com

KOTA KINABALU: Sempena bulan Ramadan ini, Universiti Malaysia Sabah (UMS) meneruskan usaha membantu golongan yang memerlukan dengan mengagihkan sumbangan ikhlas kepada masyarakat di Kampung Rampayan, Menggatal di sini baru-baru ini.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

UMS, Prof. Madya Dr. Kasim Mansur berkata, pada bulan Ramadan, umat Islam seharusnya meningkatkan amalan bukan sahaja fardhu yang wajib malah amalan-amalan sunat yang lain.

Menurutnya, dengan penganjuran program seumpama itu secara tidak langsung melibatkan kerjasama dari pelbagai pihak yang mana ia adalah satu platform terbaik untuk mengeratkan silaturahmi.

Selain itu jelasnya, ia juga

mendorong masyarakat terutama umat Islam ke arah penghayatan sebenar semangat Ramadan disamping menunaikan ibadah ibadah di bulan mulia ini.

“Program sebegini juga dapat mewujudkan kemesraan dan merapatkan jurang perhubungan antara mahasiswa dan masyarakat setempat. Ia turut mengukuhkan silaturahmi dengan penduduk kampung melalui jalinan yang harmoni,” katanya.